

NAFKAH ASAS KESEJAHTERAAN KELUARGA

Kesejahteraan keluarga merupakan elemen penting dalam pembinaan masyarakat yang sejahtera. Institusi keluarga berfungsi sebagai salah satu medan pembentukan akhlak kerana dalam kehidupan keluarga, individu dididik mengenal nilai adab, tanggungjawab dan hubungan sesama manusia. Salah satu faktor utama yang menyokong kelangsungan dan keharmonian institusi keluarga ialah nafkah. Nafkah berperanan dalam memastikan keperluan hidup ahli keluarga dipenuhi seterusnya mewujudkan suasana kehidupan yang harmoni.

Dari segi bahasa, nafkah berasal daripada perkataan Arab *nafaqah* yang membawa maksud “mengeluarkan” dan “membayarkan”. Dari segi istilah pula ialah harta yang diberikan untuk mencukupi keperluan seseorang, antaranya dengan memberikan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan lainnya. Menurut fuqaha mazhab asy-Syafi’i, nafkah merangkumi penyediaan makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala keperluan yang ditentukan oleh *uruf* (kebiasaan setempat) serta kemampuan suami. Nafkah wajib disediakan bagi menjamin kelangsungan hidup dan memelihara maslahat keluarga.

Kewajipan nafkah telah digariskan dengan jelas dalam al-Quran melalui penetapan tanggungjawab suami terhadap keluarganya. Firman Allah Subhanahu wata’ala:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦٓ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mempunyai kesenangan memberi nafkah atas keluasan rezekinya dan orang yang terbatas rezekinya hendaklah memberi nafkah daripada harta yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu).”

(Surah at-Talaq 65:7)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Firman-Nya lagi:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: “Kaum lelaki (suami) itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan (isteri) kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (kaum lelaki dengan beberapa keistimewaan) atas sebahagian yang lain (kaum perempuan) dan juga kerana mereka (kaum lelaki) telah memberikan nafkah sebahagian daripada harta mereka. ...”

(Surah an-Nisa' 4:34)

Terdapat ayat yang menjelaskan dengan tegas bahawa suami adalah orang yang bertanggungjawab untuk memberikan nafkah. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

...وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ...

Maksudnya: “...Manakala kewajipan ayah pula memberi makanan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf...”

(Surah al-Baqarah 2:233)

Dalil ini jelas meletakkan tanggungjawab nafkah pada bahu suami sebagai ketua keluarga.

جاويدان ميمون سياروف
JABATAN MUFTI SARAWAK

Manakala daripada hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* pula ialah ketika baginda berkhotbah pada haji wida':

...فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانِ اللَّهِ، وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ، وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُوطِئَنَّ فُرُوشَكُمْ أَحَدًا تَكْرَهُونَهُ، فَإِنْ فَعَلْنَ ذَلِكَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرِحٍ، وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ...

Maksudnya: "...Maka bertakwalah kamu kepada Allah dalam mengendalikan urusan wanita. Sesungguhnya kamu telah mengambil mereka (sebagai isteri) dengan amanah Allah, dan kamu telah menghalalkan kehormatan mereka dengan kalimah Allah. Dan kamu mempunyai hak ke atas mereka, iaitu mereka tidak membenarkan sesiapa yang kamu benci memasuki tempat tidur kamu. Jika mereka melakukan demikian, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak menyakiti. Dan bagi mereka pula ke atas kamu ialah hak mendapat rezeki (nafkah) dan pakaian yang baik..."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1218)

Justeru, kewajipan nafkah suami kepada isteri berlaku setelah akad nikah yang sah dan kesediaan isteri untuk tinggal bersama suami. Begitu juga nafkah anak adalah wajib atas bapa selagi anak belum mampu menyara diri, berdasarkan prinsip keturunan dan tanggungjawab penjagaan.

Di dalam kitab *al-Muktamad Fi al-Fiqh asy-Syafi'i*, Prof. Dr. Muhammad az-Zuhaili menyatakan nafkah wajib itu meliputi:

1. Makanan asasi bagi manusia di tempat masing-masing seperti beras, gandum dan seumpamanya
2. Lauk, iaitu yang dimakan bersamaan dengan makanan seperti minyak, mentega, daging dan buah-buahan mengikut tempat masing-masing
3. Pakaian yang layak bagi seorang isteri cukup untuk dirinya dengan sejumlah tertentu.

4. Alat-alat pembersih seperti sikat rambut, sabun, minyak dan selainnya untuk kebersihan diri isteri
5. Alatan dapur yang digunakan untuk memasak.
6. Tempat tinggal yang bersesuaian sebagaimana kebiasaan keadaannya. Tidak disyaratkan rumah tersebut hak milik suami seperti rumah sewa.
7. Suami wajib memberikan layanan terhadap isterinya. Jika tidak mampu disebabkan bekerja, maka suami wajib menyediakan pembantu.

Namun, kesemua komponen ini tertakluk kepada kemampuan suami dan kebiasaan masyarakat.

Selain itu, nafkah juga tidak terhad kepada nafkah zahir semata-mata, malah kewajipan ini turut merangkumi nafkah batin. Suami bertanggungjawab melayan atau menggauli isteri dengan baik sama ada dari segi tutur kata, sikap, layanan yang adil, mahupun hubungan intim. Ini adalah hak isteri yang perlu ditunaikan oleh suami dengan sebaiknya. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

... وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

Maksudnya: "... Bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik ..."

(Surah an-Nisa' 4:19)

Sabda Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

... اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا ...

Maksudnya: "... Nasihatilah para wanita dengan baik."

JABATAN MUFTI SARAWAK (Hadis Riwayat Muslim, no. 1468)

Firman Allah *Subhanahu wata'ala* dan hadis Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* di atas menunjukkan bahawa suami mestilah menunaikan kewajipan nafkah dengan sebaiknya sama ada nafkah zahir atau batin. Masalah dalam institusi keluarga terjadi disebabkan pengabaian hak dan tanggungjawab terhadap isteri atau ahli keluarga.

Nafkah mempunyai kesan langsung terhadap kestabilan emosi dan hubungan kekeluargaan. Apabila keperluan asas dipenuhi, ahli keluarga berasa lebih dihargai dan dilindungi. Keadaan ini mewujudkan rasa aman, saling percaya dan sokongan emosi antara suami, isteri dan anak-anak. Sebaliknya, culas dalam memberi nafkah sering menjadi punca kepada tekanan, pertelingkahan dan keretakan hubungan dalam keluarga. Oleh itu, nafkah berperanan sebagai pemangkin kepada keharmonian dan kesejahteraan emosi keluarga.

Hadis-hadis Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* turut menekankan kepentingan menjaga ahli keluarga. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

...وَإِنَّ نَفَقَتَكَ عَلَى عِيَالِكَ صَدَقَةٌ...

Maksudnya: "...*Sesungguhnya nafkahmu kepada keluargamu adalah sedekah...*"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 1628)

Dalam Hadis lain, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يَحْسِبَ عَمَّنْ يَمْلِكُ قُوتَهُ


Maksudnya: "*Cukuplah seseorang itu dianggap berdosa apabila dia menahan (tidak memberi) kepada orang yang berada di bawah tanggungannya rezeki yang menjadi miliknya.*"

(Hadis Riwayat Muslim, no. 996)

Hadis-hadis ini menunjukkan kewajipan nafkah dan nilai ibadah sebalik pelaksanaannya.

Pengabaian nafkah oleh suami, sama ada disengajakan atau akibat lalai, menjejaskan tanggungjawab yang difardhukan oleh syarak. Pengabaian nafkah membawa kesan yang serius dari segi syariah dan moral dalam Islam. Selain itu, pengabaian nafkah juga membawa implikasi dari sudut agama, di mana suami berdosa kerana mengabaikan tanggungjawab yang difardhukan ke atasnya. Antara punca penceraian yang utama pada masa kini adalah pengabaian memberi nafkah.

Kesimpulannya, nafkah merupakan asas penting dalam menjamin kesejahteraan keluarga. Ia bukan sekadar memenuhi keperluan material, tetapi berfungsi sebagai sokongan yang mempengaruhi kestabilan emosi dan keharmonian hubungan. Kefahaman dan pelaksanaan nafkah yang seimbang serta berteraskan nilai keadilan dan kesederhanaan mampu memperkukuh hubungan kekeluargaan. Justeru, kefahaman terhadap nafkah sebagai asas kesejahteraan keluarga perlu diberi penekanan agar pelaksanaannya selari dengan nilai keadilan, kesederhanaan dan realiti kehidupan semasa. Nafkah bukan tentang jumlah, tetapi tanggungjawab.



جَابِتْرُ مِفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK